

Dalam beberapa tahun ini, timbul beberapa kes individu yang radikal sendiri, antaranya yang menuju ke Syria, Afghanistan dan Palestin menyertai konflik bersenjata di sana. Namun, sejauh manakah ciri-ciri mereka ini serupa dengan anggota kumpulan militan Jemaah Islamiyah (JI)? Pakar penganasan memberi pengamatan mereka.

Sahut seruan ‘jihad’ di Syria sama terpesong bak ideologi JI

Aktivis RRG Ustaz Mohamed dan pakar penganasan Prof Gunaratna beri pengamatan



NUR ADILAH MAHBOP
adilaham@sph.com.sg



ADLI YASHIR KUCHIT
adli@sph.com.sg

ADA kesamaan antara anggota kumpulan militan Jemaah Islamiyah (JI) dan mereka yang radikal sendiri, termasuk yang menyertai konflik bersenjata di Syria kononnya untuk ‘berjihad’.

Demikian menurut zamil penyelidik Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Ustaz Dr Mohamed Ali.

Misalnya, kedua-dua golongan, anggota JI dan radikal sendiri, percaya kononnya perbantuan mereka ialah ‘jihad’ bagi membantu orang Islam tertindas dan ia tuntutan agama, kata beliau.

Kedua-duanya juga menjadi radikal kerana terdorong hasrat menjadi Muslim ‘lebih baik’.

Menurut Ustaz Dr Mohamed, ramai anggota JI apabila diinterview menyatakan agama ialah keutamaan mereka dan mereka menganggapnya lebih penting daripada wang ringgit.

Ustaz Dr Mohamed, yang turut berkhidmat secara sukarela dalam Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG), merumuskan persamaan anggota JI dan individu radikal sendiri kepada tiga faktor bertahap.

“Daripada perspektif dan pe-

ngalaman saya, ketidakpuasan hati kedua-duanya, anggota JI dan individu radikal sendiri, boleh dikategorikan kepada tiga peringkat: faktor berkenaan struktur, motivasi dan pencetus.


“Ada faktor ini tidak begitu berkait dengan penganasan, dan ada lebih berkait rapat atau secara langsung dengan penganasan,” ujar Ustaz Dr Mohamed.

Beliau menerangkan faktor struktur ialah penyebab yang menjejaskan kehidupan orang ramai dalam aspek yang mungkin tidak disedari, iaitu di peringkat lebih besar atau makro.

Satu faktor struktur yang mungkin mendorong individu ke arah ‘ideologi pingiran’ (*fringe ideology*) ialah kemajuan pesat ekonomi yang dinikmati Singapura.

“Walaupun ramai melihatnya sebagai antara faktor yang menstabilkan masyarakat berbilang kaum di Singapura, penekanan Singapura pada soal ekonomi dilihat sesetengah orang sebagai faktor yang membuat negara kekurangan kreativiti dan kerohanian,” ujar Ustaz Dr Mohamed.

Ini walaupun ramai anggota JI dan individu radikal sendiri yang diberkas pihak berkuasa mumpu-



USTAZ DR MOHAMED ALI: Ramai anggota JI apabila diinterview menyatakan agama ialah keutamaan mereka dan mereka menganggapnya lebih penting daripada wang ringgit.



PROFESOR ROHAN GUNARATNA: Penganasan daripada kumpulan berstruktur terlatih dan mempunyai sumber.

nyai profil seorang warga Singapura yang berjaya: dididik di sekolah sekular, mempunyai pekerjaan baik dan memiliki rumah sendiri.

Namun, mereka mencari kece-merlangan melangkaui perihai kebendaan; mereka mencari makna kerohanian.

“Dengan hasrat memenuhi kekosongan kerohanian itu, mereka mendalami pengetahuan dan amalan agama Islam.

“Menurut mereka, pencarian Islam yang sebenar akan membebaskan mereka daripada tekanan untuk selalu menjadi kritikal, menilai dan rasional,” ujar Ustaz Dr Mohamed Ali.

Faktor motivasi pula berkaitan ra-

sa tidak puas hati yang dialami secara peribadi, sekali gus merangsang mereka mengambil tindakan.

Dalam kes rekrut JI, mereka mencari seorang pemimpin agama yang boleh dipercayai dan dapat menghu- raikan dilema dan masalah mereka, dan akhirnya menemui pemimpin JI, Ibrahim Maidin.

“Mereka melihat imej yang mereka sangka imej sebenar Islam dalam JI dan Ibrahim Maidin, sekali gus menamatkan pencarian mereka dan tekanan mereka untuk selalu bersikap kritikal, menilai dan rasional dalam memberi respons kepada isu yang kerap timbul, yang sentiasa meletak- mereka dalam dilema keperluan menjadi Muslim yang baik dan ke-

perluan sekular dalam negara,” ujar Ustaz Dr Mohamed.

Ini serupa dalam kes individu radikal sendiri yang mencari bimbingan agama tetapi akhirnya menemui laman salah yang diindoktrinasi dengan idea militan.

Pemimpin JI dan ‘pengikut ideologi di Internet’ juga menjana semang- Gat berkobar-kobar pengikut mereka untuk meraih sokongan bagi ketidakadilan dan penindasan orang Islam, baik yang nyata mahupun yang dalam anggapan mereka sahaja.

Ini termasuk konflik serantau yang dihadapi orang Islam minoriti di Selatan Thailand, Mindanao di Filipina dan Aceh di Indonesia, atau di peringkat dunia, seperti di Chech-

nya, Kashmir, Afghanistan, Palestine dan Iraq.

Sokongan bagi ketidakadilan itu disifatkan Ustaz Dr Mohamed sebagai faktor pencetus.

Namun, ada juga perbezaan antara kumpulan militan dan individu radikal sendiri.

Seorang pakar mengenai penganasan, Profesor Rohan Gunaratna, berkata ideologi kumpulan militan lebih berstruktur dan mudah dikesan berbanding individu radikal sendiri, yang membangun ideologi mereka sendiri dengan ‘potong dan tampal’ ideologi sesuka hati.

“Penganasan daripada kumpulan berstruktur terlatih dan mempunyai sumber,” ujar Profesor Rohan.

Dengan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (ISD) memansuhkan JI pada 2001, ancaman penganasan yang radikal sendiri daripada rumah menenggelamkan ancaman penganas secara berkumpulan, kata Profesor Rohan.

Hari ini, penganasan yang radikal sendiri adalah ancaman lebih dominan di Singapura.

Menurut Profesor Rohan lagi, pemerintah Singapura telah mengatasi ancaman itu dengan bergabung tenaga dengan rakan masyarakat, dan mengambil langkah meluas menangan- kani ekstremis.

Namun, ancaman itu adalah nyata dan semua warga Singapura harus bekerja keras untuk melindungi negara dan rakyatnya.

“Pemimpin masyarakat Islam Singapura memahami ancaman itu dan tugas mereka melindungi belia daripada ideologi ekstremis ini patut dipuji,” ujar Profesor Rohan.



MASIH BERGOLAK: Sebuah bangunan runtuh dibedil di Syria. — Foto REUTERS



VIDEO TERSEBAR: Satu klip video memaparkan seorang rakyat Malaysia serai peperangan di luar negeri (*kiri*), dipercayai di Syria, dikesan tersebar luas di laman perkongsian video YouTube sejak sebulan lalu. — Foto fail UTUSAN MALAYSIA

Peranan RRG

Apakah RRG dan kenapa ia dibentuk

RRG ialah singkatan bagi Religious Rehabilitation Group, atau Kumpulan Pemulihan Keagamaan. Ia ditubuhkan secara formal pada April 2003 dan dianggotai ulama dan azatizah Singapura, yang bergabung antara lain bagi menjadi sukarelawan untuk memberi kaunseling kepada tahanan Jemaah Islamiyah (JI).

Pembentukan RRG dirasakan perlu atas beberapa sebab. Anggota RRG yang telah bertemu para tahanan berasa amat perlu menjelaskan penyalah- tafsiran beberapa konsep Islam seperti jihad, baiha, hijrah dan sebagainya.

Ideologi sebegini amat bahaya jika tidak diperjelas kerana penyalahafsiran bukan dapat menimbulkan suasana tidak harmoni sahaja, malah mengorbankan jiwa dan harta benda.

Asatizah berpendapat masyarakat perlu diberigambaran sebenar bahawa ideologi penganasan yang tersasar tidak mewakili suara Islam. Ideologi sebegini perlu diperjelas dengan kebenaran.

Peranan ulama dan asatizah

Imam Zaynuddin Ibn Rajab, seorang ulama, ahli hadis, faqih (ahli ilmu fiqh) dan penulis besar yang meninggal di Damsyik, Syria, pada 795H, dalam kitabnya, *Warathatul Anbiya*, menggariskan tiga fungsi utama asatizah:

- menjadi petunjuk daripada kegelapan keja- hilan
- menghiasi dan mewarnai muka bumi
- benteng daripada kesesatan dan penyalah- tafsiran agama

Oleh itu, isu penyalahafsiran dan ideologi penganasan dibincangkan oleh beberapa ulama dan asatizah Singapura, dan mereka bersetuju perlu usahasama bagi menangani penyalahafsiran terse- but.

Mereka juga berasa pemulihan keagamaan antara langkah yang harus diusahakan.

Ulama dan asatizah ini tenaga kumpulan pakar rujuk dalam RRG.

Fungsi utama RRG?

Fungsi utama RRG ialah memberi kaunseling kepada tahanan JI dan mereka yang berada di bawah perintah larangan.

Pendirian Islam terhadap ekstremisme dan radikalisme

Ekstremisme dan radikalisme tidak ada tempat dalam Islam. Ibnu Mas’ud memetik Rasulullah *saw* bersabdaanya sebanyak tiga kali:

“Telah binasalah kelompok ekstremis. Telah binasalah kelompok ekstremis. Telah binasalah kelompok ekstremis”

(Hadis riwayat Muslim, Abu Daud dan Ahmad).

Ideologi JI terpesong dari konsep Islam

JEMAAH Islamiyah (JI) memper- cayai konsep yang terpesong daripa- da konsep sebenar Islam, yang mem- bentuk ideologi kebencian dan peng- anasan.

Mereka percaya menjadi kewaji- pan mereka menubuhkan pemerintah- an khalifah dan sebuah masyarakat lebih sempurna yang menegakkan keadilan dan keamanan.

Perbuatan mereka memilih-milih konsep Islam yang suci sebagai alat un- tuk mencapai matlamat politik mere- ka menandakan niat yang tidak jujur.

Mereka mentafsirkan konsep ini tanpa rumusan metodologi betul, dan percaya secara taksub bahawa tafsiran dan pemahaman mereka itu be- nar dan ringkas.

Konsep seperti *al-wala wal bara’* (kasih sayang dan benci) menjadi kon- sep kesetiaan kepada pengikut mere- ka dan membawa kebencian kepada semua yang menentang mereka.

Jihad bagi mereka bermakna pe- perangan sahaja.

Menerusi *bai’ah*, atau sumpah se- tia, mereka memberi segala keper-

cayaan pada *amir*, atau ketua mere- ka.

Mereka setuju dengan konsep *isti- mata*, atau mencari kematian dengan membunuh diri, bagi mencapai matla- mat mereka, dan percayai bahawa ‘bidadari syurga’ akan menantikan mereka yang mati syahid.

Tafsiran terlalu mudah, literal dan tidak intelektual itu menghapuskan tradisi dan sejarah Islam aliran utama sejak berkurun lalu, dan mengetepi- kan karya ulama Islam aliran utama.

Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG) mendapati kebanyakan anggo- ta JI mempunyai sedikit pendidikan Is- lam.

Tanpa pendidikan agama, mereka mudah terpengaruh oleh ajaran JI, yang didukung oleh pemimpin berka- risma.

Mereka terkeliru akan konsep lain Islam, misalnya janji mengenai kehidu- pan di akhirat, menggunakan ke- kerasan bagi mencapai khilafah Islami- ah; jihad bersenjata atau tentera wajib bagi orang Islam; datangnya Islam un- tuk membunuh semua orang bukan Is-

lam; dan boleh membunuh semua orang bukan Islam.

Kelas JI diadakan di rumah anggota JI, dan nasib orang Islam di Palestin, Chechnya serta negara-negara lain sering ditekankan untuk menghasut kebencian terhadap orang bukan Islam.

Pemimpin JI juga kerap menggabung- kan subjek agama dengan perihai ten- tera dalam ajaran mereka.

Sejauh ini, pihak berkuasa telah memberkas lebih 30 orang yang diper- cayai terlibat dalam kegiatan JI, term-asuk pemimpinnya, Ibrahim Maidin, seor- ang pengurus kondominium.

Dalam beberapa tahun lalu, isu indi- vidu yang radikal sendiri pula timbul.

Antara mereka ialah Haja Fakkurudeen Usman Ali, 37 tahun, seorang pengurus pasar raya dan bekas warga India yang mendapat kerakyatan Singapu- ra pada 2008, yang sedang diasasat pi- hak berkuasa kerana disyaki merancang menyertai konflik ganas di Syria.

► Artikel berdeasarkan maklumat daripada laman RRG



BH Semua-Dalam-Satu
(Akhbar + Online + iPad + HTML5)



Akhbar



iPad



Fon Bijak
(iPhone + Android + HTML5)



Online

\$18.99* sebulan

\$14.45* sebulan

\$16.45 sebulan

\$16.45 sebulan

\$16.45 sebulan

*Tidak termasuk yuran penghantaran \$3 hingga \$5 menurut jenis kediaman pelanggan | Untuk melanggan, kunjungi www.bhsub.sg atau hubungi 6388 3838